



ALLIANCE BANK

ALLIANCE ISLAMIC BANK

Kempen Belanja, Dapat & Menang Kad Debit/-i & QR Terma dan Syarat

1. **“Kempen Belanja, Dapat & Menang Kad Debit/-i & QR”** (“Kempen”) yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”) akan berlangsung dari **1 Mar 2023 hingga 31 Julai 2023** (termasuk kedua-dua terikh tersebut) atau tempoh lain sebagaimana yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”)
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan dan menerima segala Terma dan Syarat tersebut.

KELAYAKAN KEMPEN

3. Kempen ini terbuka untuk semua Pemegang Kad Debit Alliance Bank (“Pelanggan yang Layak”) yang baharu dan sedia ada semasa Tempoh Kempen.
4. Sebagai prasyarat Kempen, Pelanggan yang Layak mestilah merupakan pemegang Kad Debit Alliance Bank/Kad Debit-i Alliance Islamic Bank (“Kad Debit/-i”) yang dipautkan kepada Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (“Akaun Penyertaan”). Kad Debit/-i dan Akaun tersebut mestilah sah dan aktif, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank mengikut dasar dalaman Bank.
5. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut adalah **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pelanggan di bawah umur 18 tahun; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang dorman atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - c) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan menurut dasar dalaman Bank; atau
 - d) Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank menurut dasar dalamannya; atau
 - e) Syarikat pemilikan tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Kebajikan/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; atau
 - f) Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan) adalah tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.

MEKANIK KEMPEN

6. Tempoh Penyertaan Kempen seperti berikut:

Kategori	Bulan Penyertaan Kempen	Tempoh Penyertaan Kempen
Ganjaran Utama	Mar hingga Julai	1 Mar 2023 – 31 Julai 2023
Ganjaran & Pulangan Tunai Bulanan	Mar	1 Mar 2023 – 31 Mar 2023
	April	1 April 2023 – 30 April 2023
	Mei	1 Mei 2023 – 31 Mei 2023
	Jun	1 Jun 2023 – 30 Jun 2023
	Julai	1 Julai 2023 – 31 Julai 2023

7. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak perlu membuat Transaksi yang Layak sepanjang Tempoh Kempen untuk layak mendapat Ganjaran Pulangan Tunai Kempen tersebut (“Pulangan Tunai”) dalam Tawaran 1 dan/atau Tawaran 2 dan memenuhi perbelanjaan minimum yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Setiap RM50 yang dibelanjakan di cawangan runcit menggunakan Kad Debit/-i di mana-mana saudagar Mastercard atau MyDebit termasuklah transaksi runcit tempatan, dalam talian atau di luar negara; atau
 - b) Setiap RM30 yang dibelanjakan menggunakan app mudah alih allianceonline untuk mengimbas kod QR DuitNow dan membayar mana-mana saudagar DuitNow QR yang mengambil bahagian.

(i) Tawaran 1: Dapatkan RM15 Pulangan Tunai Bulanan

8. Untuk Tawaran 1, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria dan Transaksi yang Layak yang dibuat menggunakan Kad Debit/-i dalam Bulan Kempen sepanjang Tempoh Kempen layak mendapat Pulangan Tunai Bulanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual A. Pelanggan yang Layak akan layak untuk memperoleh satu (1) Pulangan Tunai Bulanan untuk setiap Bulan Kempen. Pelanggan yang Layak juga akan berpeluang memenangi Ganjaran Besar atau Bulanan jika memenuhi kriteria dalam Tawaran 2.

Jadual A : Tawaran 1

Produk yang Layak	Transaksi yang Layak	Pulangan Tunai Bulanan	Jumlah Pulangan Tunai setiap pelanggan sepanjang Tempoh Kempen
Kad Debit/-i	Membuat sekurang-kurangnya lima (5) transaksi perbelanjaan runcit Kad Debit/-i dalam Bulan Kempen yang sama	RM15 Monthly Cashback	Dapatkan sebanyak RM75

(ii) Tawaran 2: Berpeluang Memenangi Tunai dengan Mendapatkan Penyertaan

9. Untuk Tawaran 2, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria dan Transaksi yang Layak yang dibuat menggunakan Kad Debit/-i dan/atau DuitNow QR dalam Bulan Kempen sepanjang Tempoh Kempen akan memperoleh Penyertaan dan berpeluang memenangi Ganjaran Besar dan Bulanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual B. Pelanggan yang Layak akan layak untuk memenangi 1 Ganjaran Bulanan untuk setiap Bulan Kempen. Pelanggan yang Layak akan berpeluang memenangi Ganjaran Besar atau Pulangan Tunai Bulanan jika memenuhi kriteria dalam Tawaran 1 atau Tawaran 2.
10. Pelanggan yang Layak membuat sebarang Transaksi Kad Debit/-i dan/atau DuitNow QR yang Layak bagi lima (5) Bulan Kempen berturut-turut sepanjang Tempoh Kempen akan layak memenangi 1 Ganjaran Utama.

Jadual B: Tawaran 2

Produk yang Layak	Transaksi yang Layak	Penyertaan yang Diperolehi
Kad Debit/-i	<u>Transaksi dengan Kad</u> Sebarang perbelanjaan runcit Kad Debit/-i yang layak yang dibuat melalui Terminal Tempat Jualan ("POS")	5 penyertaan
	<u>Transaksi Tanpa Kad</u> Sebarang perbelanjaan runcit Kad Debit/-i yang dibuat melalui <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan e-dagang/dalam talian • Pesanan pos/pesanan telefon ("MOTO"); atau • Perbelanjaan berulang/pembayaran bil secara automatik 	10 penyertaan
	<u>Pengaktifan Kad Debit/-i baharu</u>	20 penyertaan
DuitNow QR	Penggunaan aplikasi mudah alih allianceonline untuk mengimbas kod QR DuitNow untuk membuat pembayaran di mana-mana cawangan saudagar DuitNow QR yang mengambil bahagian, yang memaparkan kod QR DuitNow mereka untuk menerima bayaran	15 penyertaan

Kategori	Pulangan Tunai	Jumlah Pemenang	Jumlah Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen
Ganjaran Utama	RM1,500 x 10 pemenang	10	RM15,000
Ganjaran Bulanan	RM500 x 15 pemenang setiap Bulan Kempen	75	RM37,500
	RM50 x 20 pemenang setiap Bulan Kempen	100	RM5,000

11. Transaksi yang Layak dan/atau penyertaan Kempen yang sebagaimana yang ditetapkan dalam Tawaran 1 dan/atau Tawaran 2 akan diberikan kepada pemegang utama akaun Penyertaan sahaja.

12. Transaksi Kad Debit/-i yang Layak **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
- Amaun transaksi yang kemudiannya dibatalkan, menjadi tidak sah atau berbalik pada bila-bila masa;
 - Transaksi Kuasi-Tunai (Contoh: transaksi Pertaruhan, Perjudian) di bawah MCC 7995;
 - MOTO (Transaksi Tanpa Kad) di Amerika Syarikat;
 - Pembayaran kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial di bawah MCC 8398;
 - Sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah ketetapan MCC seperti di bawah:

Kod MCC	Perincian
9211	Kos mahkamah termasuklah Alimoni dan Anak
9222	Denda
9223	Pembayaran Jaminan dan Bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan Kerajaan
9402	Perkhidmatan pos (kerajaan sahaja)
9405	Pembelian Intra-Kerajaan – (kerajaan sahaja)

- Transaksi JomPay;
- Pengeluaran tunai, sebarang yuan dan caj;
- Amaun lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Contoh untuk Tawaran 1:

i. Scenario bagi Transaksi yang Layak untuk mendapatkan Pulangan Tunai Bulanan

	Bulan Penyertaan Kempen	Bilangan Transaksi Kad Debit/-i yang Layak (minimum RM50 setiap transaksi)	Pulangan Tunai Kempen
Pelanggan A	Mar	10 Transaksi	RM15
	April	5 Transaksi	RM15
	Mei	7 Transaksi	RM15
	Jun	5 Transaksi	RM15
	Julai	11 Transaksi	RM15
	Jumlah Kempen yang diperolehi oleh Pelanggan A yang Layak semasa Tempoh Kempen.		RM75
Pelanggan B	Mar	6 Transaksi	RM15
	April	3 Transaksi	Tidak layak untuk mendapat Pulangan Tunai RM15
	Mei	7 Transaksi	RM15
	Jun	9 Transaksi	RM15
	Julai	1 Transaksi	Tidak layak untuk mendapat Pulangan Tunai RM15
	Jumlah Kempen yang diperolehi oleh Pelanggan B yang Layak semasa Tempoh Kempen.		RM45

Contoh untuk Tawaran 2:

i. Scenario bagi Transaksi dan Penyertaan yang Layak untuk berpeluang memenangi Ganjaran Bulanan

	Bilangan Transaksi yang Layak dalam Bulan Kempen	Kategori Perbelanjaan & Transaksi yang Layak	Bilangan Penyertaan yang Diperolehi
Pelanggan C	2	Perbelanjaan runcit Kad Debit/-i yang dibuat melalui POS	10 penyertaan
	3	Transaksi DuitNow QR	45 penyertaan
	Jumlah Penyertaan		55 penyertaan
Pelanggan D	1	Perbelanjaan runcit Kad Debit/-i yang dibuat melalui POS	5 penyertaan
	1	Perbelanjaan runcit Kad Debit/-i yang dibuat secara e-dagang/dalam talian	10 penyertaan
	1	Pengaktifan Kad Debit/-i baharu	20 penyertaan
	Jumlah Penyertaan		35 penyertaan

ii. Scenario bagi Transaksi dan Penyertaan yang Layak untuk berpeluang memenangi Ganjaran Utama

	Bulan Penyertaan Kempen	Sebarang Transaksi Kad Debit/i dan/atau DuitNow QR Pay yang Layak	Kelayakan untuk memenangi Ganjaran Utama
Pelanggan E	Mar	Ya	Tidak layak untuk memenangi Ganjaran Utama
	April	Tidak	
	Mei	Ya	
	Jun	Ya	
	Julai	Tidak	
Pelanggan F	Mar	Ya	Layak untuk memenangi Ganjaran Utama
	April	Ya	
	Mei	Ya	
	Jun	Ya	
	Julai	Ya	

13. Peletakan kategori Peniaga dan MCC bagi setiap peniaga dilaksanakan oleh bank pemeroleh peniaga tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk meletakkan kategori dan MCC yang betul bagi setiap peniaga. Sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan kepada Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak kerana kesilapan dalam meletakkan kategori dan MCC Peniaga oleh bank pemeroleh, sila ambil perhatian bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.

14. Segala Transaksi yang Layak mestilah menunjukkan tarikh hantaran (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicaj kepada Akaun Penyertaan yang dipautkan sebagaimana dalam rekod Bank) dalam Bulan Kempen yang sama akan diagregatkan untuk Bulan Penyertaan Kempen yang sama. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar ke sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkan Pulangan Tunai dan/atau Penyertaan setiap Bulan Penyertaan Kempen. Segala Transaksi yang diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat semua Pelanggan yang Layak. Sila ambil perhatian bahawa hantaran transaksi mungkin dilaksanakan oleh peniaga sehingga 30 hari selepas tarikh transaksi. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kelewatan hantaran transaksi tersebut. Sebarang amaun Transaksi yang tidak dihantar dalam bulan yang sama transaksi tersebut dibuat tidak akan diagregatkan bagi bulan tersebut.
Contoh: sekiranya transaksi dibuat pada 30 Julai 2023 tetapi tarikh hantaran amaun transaksi adalah pada 1 August 2023, transaksi tersebut akan diagregatkan bagi bulan August 2023 dan bukannya Julai 2023 dan tidak akan dikira sebagai kumulatif transaksi untuk bulan Julai.

PENUNAIAN KEMPEN

15. **Pemenuhan Kempen untuk Pulangan Tunai RM15 dalam Tawaran 1** adalah seperti berikut:

- Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat setiap Bulan Kempen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual C ("Tempoh Penunai").

16. **Proses Pemenuhan Kempen dan Pemilihan Pemenang bagi Ganjaran Bulanan dan Utama** adalah seperti berikut:

Ganjaran Bulanan

- Pemilihan Pemenang akan diadakan secara bulanan menurut Tempoh Penyertaan Kempen bagi setiap Bulan Kempen.
- Pelanggan yang Layak akan disenarai pendek melalui pemilihan yang dibuat secara rawak oleh komputer bagi Ganjaran Bulanan.
- Ganjaran Bulanan bagi Bulan Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dalam masa lapan (8) minggu selepas tamat setiap Bulan Kempen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual C.

Ganjaran Utama

- Pemilihan Pemenang akan diadakan selepas tamat Tempoh Kempen.

- b) Pelanggan yang Layak akan disenarai pendek melalui pemilihan yang dibuat secara rawak oleh komputer bagi Ganjaran Utama.
- c) Pemenang-pemenang bagi Ganjaran Utama yang telah disenarai pendek akan dihubungi oleh wakil Bank melalui panggilan yang menggunakan maklumat yang direkodkan dalam sistem Bank dalam masa 12 minggu selepas Tempoh Kempen berakhir.
- d) Pemenang yang disenarai pendek dikehendaki menjawab satu soalan mudah yang berkenaan dengan Kempen untuk mendapatkan ganjaran tersebut. Pemenang yang gagal menjawab soalan tersebut akan tersingkir dan Bank akan memilih pemenang yang seterusnya.
- e) Sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak boleh dihubungi selepas tiga (3) cubaan pada hari yang sama atas apa-apa jua sebab dan/atau pemenang yang disenarai pendek ingin menarik diri daripada Kempen setelah dihubungi oleh wakil bank, pemenang tersebut akan tersingkir dari Kempen.
- f) Bank mungkin akan mendedahkan atau mengumumkan nama pemenang Ganjaran Utama dan 4 digit terakhir nombor kad pengenalan mereka di media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini ("Pengumuman Pemenang").
- g) Ganjaran Utama akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dalam masa 8 minggu selepas Pengumuman Pemenang di laman web Bank.

Jadual C : Tempoh Penunaian

Kategori	Bulan Penyertaan Kempen	Tempoh Penunaian
Ganjaran Utama	Mar hingga Julai	Sebelum 16 Disember 2023
Ganjaran & Pulangan Tunai Bulanan	Mar	Sebelum 20 Mei 2023
	April	Sebelum 24 Jun 2023
	Mei	Sebelum 22 Julai 2023
	Jun	Sebelum 19 August 2023
	Julai	Sebelum 23 September 2023

- 17. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") yang dihantar ke nombor telefon bimbit mereka yang terkini yang direkodkan dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank sebaik sahaja Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak.
- 18. Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan Pelanggan yang Layak untuk memberikan nombor telefon dan alamat yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghantar/menyampaikan Pemberitahuan Pelanggan yang Layak disebabkan oleh nombor telefon dan/atau alamat yang tidak tepat / tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS tidak dapat dihantar / disampaikan atas apa jua sebab sekalipun bukan disebabkan dari Bank.
- 19. Akaun Penyertaan mestilah sah dan aktif (tidak dorman, ditutup atau ditamatkan) sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank, untuk melayakkan diri mengambil bahagian dan mendapat Pulangan Tunai. Sekiranya dalam Tempoh Kempen atau Tempoh Penunaian, Pelanggan yang Layak menutup Akaun Penyertaan atas sebarang sebab, penyertaan pelanggan dalam Kempen ini akan terbatal dan menjadi tidak sah dengan serta-merta.
- 20. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun bersama dengan pihak lain, akaun tersebut akan dianggap sebagai satu akaun sahaja menurut nama pemegang akaun utama. Bagi pemegang akaun bersama, Pulangan Tunai akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.
- 21. Bagi sebarang transaksi atau pembayaran yang kemudiannya dibatalkan, menjadi tidak sah atau berbalik dalam Bulan Kempen yang sama, pelarasan yang berkenaan akan dibuat. Sekiranya pelarasan tidak dibuat, Bank berhak untuk menarik balik amaun Pulangan Tunai yang telah dikreditkan.

22. *Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, cek, kredit dan/atau barangan. Keputusan Bank berkenaan segala perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat, dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana individu lain untuk mengkreditkan Pulangan Tunai tersebut kepada mana-mana Akaun pihak ketiga .*

TERMA DAN SYARAT AM

23. *Bank berhak menukar tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh luput Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web Bank.*
24. *Penyertaan dalam Kempen ini adalah secara automatik bagi Pelanggan yang Layak tertakluk kepada sekiranya mereka memenuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Prapendaftaran, SMS atau borang penyertaan tidak diperlukan.*
25. *Terma dan Syarat ini merupakan tambahan tanpa mengecualikan mana-mana satu atau lebih terma, syarat dan/atau garis panduan yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau pengendalian akaun atau sebaliknya.*
26. *Pelanggan yang Layak seterusnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pengendalian Kempen ini.*
27. *Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat yang terkini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak konsisten atau bertentangan antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi yang terkini akan mengatasi yang sebelumnya tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten atau terdapat pertentangan tersebut.*
28. *Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapatkan pampasan dari Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.*
29. *Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan punca pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, kebetulan, turutan, teladan, punitif, atau kerosakan khas atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak lain dalam apa cara sekalipun, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Kempen ini kerana tindakan Pelanggan yang Layak itu sendiri.*
30. *Pelanggan yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, caj bayaran kepada kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin akan dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berkaitan dengan Kempen ini.*
31. *Segala Terma dan Syarat termasuk penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan yang dibuat berhubung dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir dan diertikan menurut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, pihak-pihak yang berkenaan di sini dengan ini bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia yang kompeten.*

32. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.
33. Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan membenarkan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan yang Layak (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada ahli gabungan dan penyedia perkhidmatan sebagaimana perlu, bagi tujuan menyelenggarakan dan melaksanakan perkhidmatan dalam Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi segala data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk segala data yang telah anda dedahkan.
34. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang dikenakan terhadap Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa ia tidak akan terlibat dalam amalan penyelewengan dalam sebarang cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dalam Kewangan dan Perbankan Kewangan

36. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan yang Layak mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
37. Pelanggan yang Layak hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan yang Layak menyedari berlaku mana-mana urusan niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan yang Layak mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan yang Layak tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusan niaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan yang Layak telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan yang Layak seperti yang tertera di atas.
38. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang Layak adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan yang Layak sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah

amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan,pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.

39. *Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan yang Layak, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan yang Layak di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:*
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;*
 - ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan yang Layak melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau*
 - iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;*
- dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.*
40. *Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.*
41. *Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i yang Layak adalah berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq.*